

0401

R 8060 BAH

MAHATHIR - PENDIDIKAN

KUALA LUMPUR, 14 OKT (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN TERUS MENGGALAKKAN SEKTOR SWASTA MENYERTAI BIDANG PENDIDIKAN DAN LATIHAN UNTUK MEMBANTU SEKTOR AWAM DALAM BIDANG TERSEBUT, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD.

PERDANA MENTERI BERKATA SEKTOR SWASTA DIGALAKKAN MEMBANTU SEKTOR AWAM MENYEDIAKAN KURSUS-KURSUS PRA-DIPLOMA, PRA-UNIVERSITI SERTA PELBAGAI KURSUS DI PERINGKAT BIJIL DAN DIPLOMA.

SEHINGGA INI SEKTOR SWASTA TELAH MEMBUKTIKAN KEUPAYAANNYA UNTUK MENYEDIAKAN KEPERLUAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN TERSEBUT, KATA BELIAU DALAM BUKU CENDERAMATA BAGI SIMPOSIUM ANTARABANGSA MENGENAI PENDIDIKAN DALAM MENGHADAPI CABARAN ABAD KE-21 ANJURAN KUMPULAN KOLEJ STAMFORD DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN AKAN TERUS MENGAWASI PERKEMBANGAN PENDIDIKAN DAN LATIHAN ANJURAN SWASTA SUPAYA MUTUNYA TETAP TINGGI DAN SELARAS DENGAN CITA-CITA NEGARA KESELURUHANNYA.

KATANYA PADA MASA INI SEMAKIN RAMAI RAKYAT YANG BERUPAYA MENGHANTAR ANAK-ANAK MENGIKUTI SISTEM PELAJARAN ANJURAN SWASTA.

SIMPOSIUM TERSEBUT DIRASMIKAN HARI INI OLEH KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR BANDAR DATUK ISMAIL MANSOR BAGI PIHAK TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA. -- BERNAMA
1339MST 14 10 90